

UCAPAN

BAJET

TAHUN 2014



UCAPAN BAJET 2014

1. PENDAHULUAN

Saya mulakan ucapan Bajet Tahun 2014 pada petang ini dengan menyebut kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah kerana telah mengizinkan saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2014 pada hari ini.

- 1.2 Bajet 2014 telah dibincangkan secara terperinci di peringkat jabatan pada awal bulan September 2013. Agihan bajet 2014 mengikut zon Ahli-Ahli Majlis juga telah dibentangkan kepada semua Ahli Majlis pada 19 September 2013 yang lalu. Seterusnya satu bengkel membentangkan draf bajet 2014 bagi mendapatkan *input* daripada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, NGO, Persatuan Peniaga-peniaga serta penyedia servis telah diadakan pada 23 September 2013 selaras dengan program Local Agenda 21 Petaling Jaya. Selaras dengan kehendak Akta 171 juga, draf Bajet 2014 ini telah dibincangkan secara terperinci di dalam Mesyuarat Kewangan Khas (Bajet 2014) pada 30 September 2013. Oleh itu suka cita saya membentangkan bajet 2014 pada hari ini untuk

kelulusan Majlis seterusnya sebelum ia dibawa ke peringkat Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan.

- 1.3 Kawasan pentadbiran bandaraya hanya berkeluasan 97.2 kilometer persegi dengan jumlah penduduk 700,000 orang dan bilangan pegangan harta 220,500. Maklumat daripada kajian awal kaedah hasil cukai iaitu hasil cukai taksiran yang dikutip oleh Majlis mengikut unit pegangan hartanah berbanding dengan perbelanjaan Majlis ke atas pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan asas serta infrastruktur baru seperti penyelenggaraan saliran/jalan, pengutipan sampah dan pembersihan kawasan, penyelenggaraan kawasan lapang, penghijauan dan penyelenggaraan pokok serta kos penyelenggaraan kemudahan dewan memberi gambaran bahawa kawasan usang yang dijangka mengalami proses pembaharuan Bandar seperti Seksyen 13, 51 dan 51A akan menyumbang hasil cukai yang lebih tinggi berbanding hasil cukai taksiran semasa dalam tempoh 5 tahun akan datang. Senario ini juga menggambarkan anggaran hasil cukai yang lebih tinggi bagi Majlis pada masa akan datang akan berpunca daripada sektor komersil. Semua sedia maklum bahawa kawasan Seksyen merupakan kawasan lama di Petaling Jaya. Oleh kerana itu, Majlis akan membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar di kawasan tersebut bagi menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur yang telah usang kepada yang lebih moden dan memenuhi keperluan pada masa kini.

1.4 Walau bagaimanapun, nisbah purata perbelanjaan berbanding dengan hasil cukai yang dikutip menunjukkan bahawa terdapat kawasan pentadbiran yang harus disediakan perkhidmatan yang lebih baik seperti kawasan PJS berbanding dengan cukai yang dibayar demi prinsip kesaksamaan. Bagi mempastikan Majlis dapat menyediakan kemudahan yang berpatutan mengikut perancangan strategik Majlis, Bajet 2014 disediakan dengan bermatlamat memberi perkhidmatan dan kemudahan terbaik bertaraf dunia yang memenuhi ekspektasi semua penduduk Petaling Jaya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

2. TEMA BAJET 2014

2.1 Visi Majlis menjadikan ***Petaling Jaya Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari*** memberi gambaran bahawa keutamaan Majlis adalah untuk membangunkan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya yang berdaya huni, mampan, harmoni dengan persekitaran yang sihat ('Liveable, Sustainable, Harmonies and Healthy Environment') melalui pemberian perkhidmatan yang efisyen dan efektif kepada penduduk Petaling Jaya. Pada tahun 2014 Majlis dengan segala usaha akan mengutip semua hasil dan membelanjakan hasil tersebut dan sebahagian daripada wang rizab simpanan secara 'Value for Money' dan berteraskan prinsip 'accountability' untuk

membayai perbelanjaan perkhidmatan dan pembangunan kepada seluruh penduduk Petaling Jaya. Majlis akan berusaha dengan sedaya upaya supaya semua lapisan masyarakat di Petaling Jaya dapat menikmati kekayaan dan kemakmuran yang ada di bumi Petaling Jaya secara saksama dan tiada yang ketinggalan atau terpinggir. Ini merupakan harapan kita sebagai pentadbir Bandaraya Petaling Jaya.

- 2.2 Untuk itu bajet tahun 2014 yang dibentangkan adalah bermatlamat untuk terus menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandaraya peneraju, dinamik dan lestari. Majlis akan terus meningkatkan pembangunan prasarana yang seimbang dengan pembangunan persekitaran, meningkatkan kehijauan, pembangunan sosial, pertumbuhan ekonomi, gaya hidup, keselamatan dan juga kebersihan bandar.
- 2.3 Walaupun pihak Kerajaan Negeri Selangor telah menyarankan supaya cadangan Bajet 2014 disediakan secara berimbang, namun Majlis akan mempastikan bahawa wang lebihan Majlis dipulangkan semula kepada penduduk melalui penyediaan bajet defisit kerana bukan sahaja sumber-sumber daripada cukai tetapi sumber daripada sektor komersil dan hasil pelaburan juga menyumbang kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Petaling jaya yang mana ia

memberi manfaat kepada semua penduduk bagi menikmati pembangunan lestari di Petaling Jaya.

- 2.4 Untuk itu, bajet Majlis pada tahun 2014 adalah bertemakan '**PJ LESTARI (SUSTAINABLE PJ)**'. PJ Lestari merupakan pembangunan yang memenuhi keperluan pada masa kini dan akan datang tanpa menjaskankan keperluan generasi akan datang. Pembangunan lestari merupakan pembangunan yang mengimbangkan dan mengintegrasikan pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosial dan alam sekitar. Bagi memastikan pembangunan lestari dapat dilaksanakan dengan jayanya, penglibatan daripada sektor kerajaan, sektor swasta dan orang awam amat penting.
- 2.5 Untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandar lestari, Majlis pada tahun 2014 akan memberi fokus kepada 5 sektor pembangunan utama seperti yang telah dipersetujui di dalam Bengkel '*PJ Livable City Strategic Plan 2030*' yang telah diadakan pada 26 September 2013 yang lalu seperti berikut:-
- i. Prasarana lestari,
 - ii. Persekutaran mesra alam,
 - iii. Pengurusan trafik,
 - iv. Gaya hidup lestari, dan
 - v. Memperkasakan organisasi.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

3. PRESTASI BAJET TAHUN 2013

3.1 Prestasi Bajet Semasa 2013

Sebelum saya membentangkan bajet 2014 secara lebih terperinci, sukcita saya membentangkan prestasi bajet tahun semasa setakat 30 September 2013 seperti berikut:

Prestasi bajet Setakat 30 September 2013

	Anggaran 2013 (RM)	Sebenar 30 Sept 2013 (RM)	Peratus Kutipan (%)
Hasil			
Hasil Cukai	196,000,000	187,900,642	95.87
Hasil Bukan Cukai	90,547,190	55,754,649	61.58
Terimaan Bukan Hasil	7,398,000	7,691,750	103.97
Jumlah Hasil	293,945,190	251,347,041	85.51

	Anggaran 2013 RM	Sebenar 30 Sept 2013 RM	Tanggungan RM	Sebenar + Tanggungan RM	Peratus Kutipan/ perbelanjaan %
Perbelanjaan:					
Emolumen	75,064,520	54,723,499	7,213	54,730,712	72.91
Perkhidmatan & Bekalan	175,119,060	93,079,336	9,027,466	102,106,802	58.31
Aset	5,361,860	2,864,878	1,332,613	4,197,491	78.28
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,814,920	1,163,932	25,000	1,188,932	65.51
Lain-Lain Perbelanjaan	3,356,600	2,990,175	31,263	3,021,438	90.01
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	260,716,960	154,821,820	10,423,555	165,245,375	63.38
Perbelanjaan Pembangunan	47,807,130	7,709,328	9,173,944	16,883,272	35.32
Jumlah Perbelanjaan	308,524,090	162,531,148	19,597,499	182,128,647	59.03

3.2 Untuk makluman Ahli-Ahli Majlis, prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 yang masih rendah adalah disebabkan masalah-masalah berikut :-

- 3.2.1 Pertukaran pegawai pengurusan tertinggi Majlis yang berlaku pada awal tahun 2013.
 - 3.2.2 Bilangan projek yang terlalu banyak berbanding bilangan pegawai teknikal ada, yang menguruskan projek tersebut.
 - 3.2.3 Kelewatan menyediakan dokumen kerja sebutharga dan tender disebabkan pada masa ini Majlis hanya mempunyai seorang Jurukur Bahan sahaja.
 - 3.2.4 Majlis telah menyerahkan beberapa projek besar kepada Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Kerja Raya untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan projek ini mengalami kelewatan kerana Majlis lewat mendapat maklumbalas daripada jabatan berkenaan.
- 3.3 Bagi membendung masalah ini daripada terus berlarutan, Majlis pada tahun 2014 akan mengambil langkah-langkah seperti berikut :-
 - 3.3.1 Semua dokumen kerja akan disiapkan pada hujung tahun ini supaya pelawaan kerja tender dan sebutharga dapat dikeluarkan pada awal tahun hadapan.

3.3.2 Majlis akan menambahkan bilangan kakitangan teknikal dengan membuat pengambilan kakitangan baru pada awal tahun 2014.

3.3.3 Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju dengan cadangan Majlis melantik perunding jurukur bahan bagi menyediakan dokumen projek dengan kos tersebut dimasukkan di dalam kos projek.

3.3.4 Bagi projek berskala besar yang memerlukan kepakaran teknikal seperti arkitek, jurutera awam dan jurutera elektrikal, Majlis juga akan melantik perunding. Kos perunding ini juga akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos projek berkenaan.

3.4 Dengan langkah tersebut, Majlis yakin sekurang-kurangnya 95% daripada anggaran perbelanjaan pembangunan akan dapat dilaksanakan pada penghujung tahun 2014.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

4. STRATEGI BAJET 2014

Bajet Majlis tahun 2014 dirangka berlandaskan kepada strategi berikut :-

- 4.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2013 beserta tambahan pegangan harta baru pada tahun 2014. **Majlis telah menetapkan untuk tidak menaikkan kadar cukai taksiran bagi tahun 2014.**
- 4.2 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada yang telah dikutip pada tahun 2013. Peningkatan hasil bukan cukai adalah daripada aktiviti sedia ada. Manakala **fee dan caj yang dikenakan adalah sama seperti tahun 2013.**
- 4.3 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip bagi tahun 2014. Berdasarkan penyediaan bajet 'Modified Budgeting System' (MBS), Dasar Sedia Ada tidak melebihi batas perbelanjaan yang ditetapkan. Kelulusan Dasar Baru dan One-Off adalah bergantung kepada keperluan setiap aktiviti yang akan dibelanjakan.
- 4.4 Perbelanjaan Pembangunan adalah berdasarkan kepada kerja dan projek yang telah dikenalpasti boleh dilaksanakan mengikut perancangan dan berdasarkan kemampuan Majlis pada tahun 2014.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

5. CADANGAN BAJET 2014

5.1 Pada tahun 2014 Majlis mencadangkan bajet defisit iaitu anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

	2013 RM	2014 RM	Tambahkan/ (Kurangan)	
			RM	%
Hasil	293,945,190	304,978,280	11,033,090	3.75
Belanja Mengurus	260,716,960	277,769,830	17,052,870	6.54
Belanja Pembangunan	47,807,130	46,550,060	(1,257,070)	(2.63)
Jumlah Perbelanjaan	308,524,090	324,319,890	15,795,800	5.12
Defisit	(14,578,900)	(19,341,610)		
Peratusan	(4.96)	(6.34)		

5.2 Jumlah anggaran hasil Majlis untuk tahun 2014 adalah bertambah sebanyak RM11,033,090 atau 3.75% berbanding hasil tahun 2013, iaitu peningkatan daripada RM293,945,190 kepada RM304,978,280.

- 5.3 Berkenaan perbelanjaan pula, jumlah anggaran perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 ialah sebanyak RM324,319,890 berbanding dengan anggaran tahun 2013 yang berjumlah RM308,524,090. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM15,795,800 atau 5.12%.
- 5.4 Daripada jumlah ini, sebanyak RM277,769,830 atau 85.65% merupakan belanja mengurus manakala sebanyak RM46,550,060 atau 14.35% adalah belanja pembangunan.
- 5.5 Ini menjadikan Bajet Majlis pada tahun 2014 akan mengalami defisit sebanyak RM19,341,610 atau 6.34%. Defisit sebanyak ini akan ditampung dengan lebihan wang terkumpul Majlis yang dianggarkan mempunyai baki bersih sebanyak RM188.49 juta pada 1 Januari 2014.
- 5.6 Defisit RM19.34 juta adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan seperti berikut:-

BIL	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Pembangunan Koridor Hijau dan Menaiktaraf Lanskap di Seksyen 52	2,875,000
2.	Menaiktaraf Lampu Jalan dan kawalan berpusat	2,350,000
3.	Menaiktaraf Lampu Isyarat dan kawalan berpusat	1,950,000

BIL	Perkara	Jumlah (RM)
4.	Perbelanjaan emolumen dan bekalan perkhidmatan bagi 55 orang anggota penguatkuasa untuk tujuan rondaan keselamatan	1,680,970
5.	Pemasangan CCTV (indoor & outdoor)	1,650,000
6.	Menaiktaraf Infrastruktur Kg. Selamat, Kota Damansara	1,400,000
7.	Pembelian jentera berat/kenderaan bagi meningkatkan pengurusan sisa pepejal	1,312,000
8.	Perkhidmatan Bas Perantara	1,000,000
9.	Pertambahan perbelanjaan pembaikan longkang dan saliran	1,000,000
10.	Pembelian kenderaan bagi tujuan rondaan keselamatan	930,000
11.	Pembinaan tempat letak kereta Park N Ride	800,000
12.	Pembayaran Lesen Menduduki Sementara (TOL) bagi tapak letak kereta Park N Ride	800,000
13.	Pembelian kenderaan bagi penyelenggaraan infrastruktur	800,000
14.	Pembelian Mesin Pembakar Mayat	700,000
15.	Pembelian Aset bagi kerja-kerja Landskap dan Pengindahan	265,000
JUMLAH BESAR		19,512,970

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6. FOKUS BAJET 2014

Seperti yang telah dipersetujui di dalam Bengkel ‘PJ Livable City Strategic Plan 2030’ pada 26 September 2013, Majlis telah pun memfokuskan Bajet 2014 kepada 5 sektor pembangunan utama seperti berikut :-

6.1 Prasarana Lestari

6.1.1 Pada tahun 2014 Majlis akan menumpukan kepada pembangunan sistem infrastruktur hijau, menyelenggara jalanraya dan perparitan yang selamat dengan pelbagai kemudahan pergerakan demi keselesaan penduduk di kawasan Petaling Jaya. Program utama yang diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. Menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di Petaling Jaya melalui pendekatan sistem saliran baru. Perancangan sistem dan perparitan pada masa hadapan akan berteraskan sistem saliran mesra alam berkonsep ‘kawalan pada punca’. Strategi yang digunakan adalah merekabentuk parit utama mengikut kaedah pelaksanaan Manual Baru Saliran Mesra Alam

Malaysia (MASMA). Sistem saliran Bandar Mampan (*Sustainable Urban Drainage System*) (SUDS) dan sistem saliran bio-ekologi atau *Bio-Ecological Drainage System* (BIOECODS) yang merupakan alternatif pengurusan air larian hujan berkarbon rendah dan mampan yang melibatkan *swale*, *dry pond*, *wet pond* and *detention pond*. Setiap projek pembangunan perlu mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan berupaya meningkatkan nilai estetik bandaraya Petaling Jaya.

- ii. Membina infrastruktur hijau dan kemudahan awam berdasarkan kepada rekabentuk sejagat yang mempunyai ciri hijau, moden dan mesra alam.
- iii. Membina kemudahan pejalan kaki, siar kaki, laluan OKU, perabot jalan dan laluan sikal yang mesra alam.
- iv. Menyelenggara dan menaiktaraf kemudahan awam lain seperti perhentian bas, lampu-lampu jalan, lorong belakang, bebendul dan lain-lain kemudahan.

6.1.2 Sehubungan dengan itu, sebanyak RM50.94 juta telah diperuntukkan bagi memastikan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan saliran, menaiktaraf jalan, penyelenggaraan lampu dan

penyelenggaraan bangunan/kemudahan awam di Petaling Jaya dijalankan secara efisyen.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6.2 Persekutaran Mesra Alam

- 6.2.1 Pada tahun 2014, Majlis akan memberi fokus kepada alam sekitar dengan mewujudkan Bandar Hijau melalui pematuhan kepada kriteria Bangunan Hijau berkarbon rendah dan mesra alam.
- 6.2.2 Bagi mempastikan kehijauan landskap dapat direalisasikan, satu pelan induk landskap yang telah disediakan pada tahun ini akan dilaksanakan pada tahun 2014. Di bawah pelan ini, program Landskap Dan Pengindahan dan Program Pembangunan Koridor Hijau akan dirancang dengan terperinci supaya tindakan dapat diambil dengan teratur dan hasilnya dapat dinikmati sepenuhnya oleh penduduk Petaling Jaya.
- 6.2.3 Melalui penyediaan pelan tindakan Lingkaran Koridor Hijau, ia merupakan satu langkah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya dalam taman dan memainkan peranan penting ke arah menyokong pembangunan mampan. Lingkaran

koridor hijau yang telah dikenalpasti adalah jajaran yang mengambilkira taman-taman awam, hutan simpan, rezab utiliti, rezab sungai dan rintisan elektrik yang berfungsi sebagai kawasan riadah dan bagi tujuan mobiliti serta sebagai pembekal biodiversiti, kitaran oksigen dan keselesaan habitat. Majlis menganggarkan akan mempunyai sebanyak 16% kawasan lingkaran koridor hijau pada tahun 2014 berbanding 8% pada masa sekarang.

- 6.2.4 Di samping itu, Majlis juga akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaikpulih taman, kawasan lapang, hutan pendidikan Bukit Gasing dan Hutan Bandar Damansara Damai.
- 6.2.5 Untuk membiayai semua perbelanjaan di atas, peruntukan sebanyak RM18.4 juta telah disediakan pada tahun 2014.
- 6.2.6 Bagi menjadikan persekitaran hijau, bersih dan selamat, Majlis pada tahun 2014 juga akan mempertingkatkan kualiti kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal. Pada tahun 2013, Majlis telah membeli beberapa unit kompaktor, lori RORO dan lori high pressure bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal dilaksanakan secara dalaman. Pada tahun 2014, Majlis akan menambahkan bilangan kakitangan dan membeli lagi peralatan tambahan bagi

mencapai sasaran 30% kerja pembersihan awam dilaksanakan secara dalaman dan mengurangkan kebergantungan Majlis kepada kontraktor.

- 6.2.7 Disamping itu, pengurusan sisa pepejal yang efisyen dan mengamalkan pendekatan atau konsep 3R iaitu *REDUCE, REUSE DAN RECYCLE* akan dilaksanakan pada tahun 2014. Dengan pendekatan ini Majlis boleh mengurangkan sisa buangan yang dihasilkan oleh penduduk yang secara langsung boleh mengurangkan perbelanjaan tipping di tapak pelupusan dan seterusnya mengurangkan beban kewangan Majlis. Majlis juga akan melaksanakan program kitar semula di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti. Dengan mengamalkan konsep 3R, saya yakin dapat menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandaraya yang bersih dan berkarbon rendah.
- 6.2.8 Untuk tujuan ini, pada tahun 2014 Majlis memperuntukkan sebanyak RM64.99 juta bagi membiayai kos kerja-kerja pembersihan awam, kutipan sisa pepejal dan kos pembelian jentera serta peralatan tambahan.
- 6.2.9 Bagi menyokong program menjadikan Petaling Jaya bandaraya berkarbon rendah juga Majlis pada tahun 2014 akan melanjutkan program insentif meletak kereta secara percuma bagi pembelian kereta hybrid di mana pas bulanan percuma

kereta hybrid untuk tempoh laku selama 1 tahun akan diberikan berbanding tempoh 6 bulan sahaja pada tahun ini. Kemudahan pas bulanan percuma kereta hybrid yang diberikan oleh Majlis adalah merupakan satu tanda penghargaan kepada pembeli kereta hybrid di Petaling Jaya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6.3 Pengurusan Trafik

Sektor pembangunan pengurusan trafik akan diberi keutamaan pada tahun 2014 melalui pelaksanaan program seperti berikut:-

6.3.1 Pengurusan Permintaan Perjalanan Dan Pengangkutan Awam Bersepadu

Masalah utama sistem pengangkutan dan lalulintas di kawasan Petaling Jaya pada masa sekarang adalah kesesakan jalanraya terutama pada waktu puncak pagi dan petang. Punca utama yang menyebabkan masalah kesesakan adalah tahap penggunaan kenderaan persendirian yang sangat tinggi. Oleh yang demikian, Majlis merancang untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Sehubungan itu, Majlis pada tahun 2014 akan melaksanakan projek seperti berikut :-

- i. Menyediakan kemudahan tempat letak kereta *Park N Ride* di kawasan Stesen LRT Asia Jaya sebagai inisiatif bagi membolehkan hanya pengangkutan awam sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan Bandar Seksyen 52.
- ii. Menyediakan bas perantara di tempat letak kereta *Park N Ride* untuk membawa penumpang ke kawasan pusat Bandar Seksyen 52 dan kawasan yang berhampiran.
- iii. Menyediakan dan melebarkan kemudahan laluan pejalan kaki dan laluan sikal termasuk meredupkannya dengan menanam pokok-pokok teduhan bagi memberi pilihan lain selain daripada bas perantara dan memberi keselesaan kepada mereka yang ingin berjalan kaki atau berbasikal.
- iv. Mengurangkan bilangan tempat letak kereta bagi memberi ruang kepada pembinaan dan pelebaran laluan pejalan kaki dan laluan sikal.
- v. Menaikkan kadar bayaran tempat letak kereta di kawasan pusat bandar bagi mengurangkan kemampuan

pemilik kenderaan/pemandu untuk meletak kenderaan di kawasan pusat bandar.

- vi. Mensehalakan jalan utara dan jalan barat supaya pengaliran trafik lebih lancar dan mengurangkan kesesakan pada waktu puncak.

6.3.2 Mewujudkan Sistem Kawalan Trafik Bersepadu

Majlis akan mengadakan sistem kawalan dan pemantauan berpusat bagi lampu isyarat di kawasan Petaling Jaya. Semua persimpangan lampu isyarat di Petaling Jaya akan di'synchronize'kan supaya dapat diselaraskan antara satu sama lain dan pemantauan dapat dibuat di pusat kawalan trafik. Bagi kawasan baru yang sedang dibangunkan pula, Majlis telah mensyaratkan pemaju supaya memasang CCTV di lampu isyarat dan lampu jalan untuk diserahkan kepada Majlis dan dipantau oleh pusat kawalan trafik tersebut.

Sehubungan dengan itu, peruntukan sebanyak RM4.55 juta telah disediakan di dalam Bajet 2014 bagi membiayai kos pelaksanaan program pengurusan trafik seperti yang dirancang.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6.4 Gaya Hidup Lestari

- 6.4.1 Selaras dengan pendekatan Local Agenda 21 yang berteraskan pembangunan lestari, nilai-nilai positif perlu diterapkan di dalam gaya hidup penduduk supaya dapat melahirkan sebuah persekitaran yang lebih sejahtera, harmoni dan saling menghormati melalui jalinan usahasama, perundingan, penyertaan masyarakat dan kebertanggungjawaban sosial dalam setiap proses perancangan dan pembangunan bandaraya Petaling Jaya.
- 6.4.2 Di antara program-program kemasyarakatan yang telah dirancang pada tahun 2014 adalah seperti Program Mesra Rakyat, Program Menaiktaraf Kualiti Hidup Rakyat, Program Membasmi Kemiskinan Bandar, Program Kawasan Kejiranan Terbaik, Program Belia, Program Mesra Industri, Program Orang Kelainan Upaya (OKU), Program Bandar Bebas Halangan dan lain-lain.
- 6.4.3 Peningkatan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan Majlis adalah menjadi faktor penting dalam mengukuhkan gaya hidup lestari di Petaling Jaya. Program rondaan keselamatan

telah dilaksanakan mulai bulan Julai 2013. Program jaringan kerjasama bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertujuan untuk meningkatkan rondaan keselamatan di lokasi ‘hot spot’ melibatkan kawasan perumahan, komersil dan kawasan tumpuan awam bagi mengurangkan indeks kadar jenayah.

- 6.4.4 Selain daripada rondaan keselamatan, Majlis akan meneruskan Program Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2011. Dengan adanya program ini telah dapat meningkatkan penglibatan penduduk bersama-sama dengan agensi penguatkuasa bagi meronda kawasan komuniti masing-masing.
- 6.4.5 Kesinambungan daripada program bandar selamat tahun 2013, Majlis pada tahun 2014 akan memasang CCTV di kawasan ‘hot spot’ seperti di Flat Desa Mentari dan PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang. Selain itu, CCTV akan juga dipasang di kawasan-kawasan yang kerap menjadi tempat pembuangan sampah haram dan kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan jenayah tinggi.
- 6.4.6 Bagi menjayakan pelbagai program gaya hidup lestari, Majlis akan membelanjakan sebanyak RM9.68 juta pada tahun 2014.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6.5 Memperkasakan Organisasi

Sebagai organisasi yang berurusan secara langsung dengan penduduk, *stake holder* dan orang awam, Majlis akan terus berusaha memperkasakan organisasi melalui program seperti berikut pada tahun 2014 :-

- 6.5.1 Mewujudkan Unit Integriti yang akan diketuai oleh pegawai yang dipinjamkan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ketua unit ini akan menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa OSC, Mesyuarat Jawatankuasa Mampan, Lembaga Tender dan Sebutharga dan Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus. Dengan pengwujudan unit ini diharapkan ia akan meningkatkan kebolehpercayaan orang awam terhadap Majlis.
- 6.5.2 Organisasi Majlis pada ketika ini mempunyai 10 jabatan yang dibentuk berdasarkan fungsi jabatan mengikut bidang tugas masing-masing. Ini menjadikan wujud perbezaan keutamaan antara jabatan dan kurang interaksi dan kerjasama dalam melaksanakan tugas. Bagi merobohkan dinding pemisah antara jabatan dan mengukuhkan jalinan kerjasama, Majlis pada tahun 2014 akan menyusun semula struktur organisasi secara

pentadbiran dengan membentuk 5 jabatan sahaja mengikut aktiviti utama (*core business*) seperti berikut :-

- i. Perancang Bandar
- ii. Rekabentuk Bandar
- iii. Pembangunan Perkhidmatan & Komuniti
- iv. Perniagaan Bandar
- v. Perniagaan Korporat

Diharap dengan pelaksanaan struktur organisasi baru akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian, mengurangkan aduan rakyat dan Majlis dapat melaksanakan projek dengan lebih efisyen dan efektif.

6.5.3 Memperkasakan Unit Polis Bantuan di Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan dengan melantik seramai 55 orang kakitangan baru bagi menjalankan kerja-kerja rondaan keselamatan bersama pihak PDRM.

6.5.4 Melantik seramai 18 orang kakitangan baru bertaraf kontrak di Jabatan Kesihatan Persekutaran bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal dilaksanakan secara dalaman dan mengurangkan pergantungan Majlis kepada kontraktor. Di samping itu, Majlis juga akan melantik

kakitangan ‘Contract for Service’ untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal di Bahagian Perkhidmatan Bandar.

6.5.5 Pada tahun ini, Majlis telah pun menandatangani beberapa Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan beberapa badan profesional seperti Institution of Engineer Malaysia (IEM), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Malaysian Green Technology Corporation (MGTC). Pada tahun 2014, Majlis akan memeterai Perjanjian Persefahaman dengan bandaraya di negar luar dan badan profesional yang lain bagi menjayakan aspirasi menjadikan Petaling Jaya bandaraya Berdaya Huni dan Dicintai (*Liveable dan Loveable*). Pelaksanaan program ini akan memberi pendedahan serta perkongsian amalan terbaik dan penanda aras daripada organisasi luar negara.

6.5.6 Meningkatkan sistem pengurusan teknologi maklumat yang cekap dengan memantapkan Pelan Strategik ICT, melalui peningkatan rangkaian sistem ‘online’ dan menaiktaraf sistem yang bersepadu dan berinteraksi.

6.5.7 Majlis sentiasa berusaha melaksanakan idea-idea baru dan mengambil pendekatan inovatif dalam usaha meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan. Ke arah itu, Majlis

telah mula melaksanakan penambahbaikan pengurusan perlesenan melalui satu kaedah baru iaitu kawal selia diri (*self regulatory*), iaitu satu mekanisme yang membolehkan pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*) mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan proses permohonan lesen dan pemantauan aktiviti perniagaan yang dijalankan. Antara inisiatif tersebut ialah penggunaan borang baru bagi permohonan lesen perniagaan, penggunaan kad akuan dan lesen sementara, QR Code (*Quick Response Code*) pada pelekat premis perniagaan dan kad pekerja/pembantu.

QR Code bagi pelekat lesen perniagaan merupakan satu mekanisme baru yang mempunyai ciri-ciri keselemanan dan maklumat aktiviti perniagaan seperti nombor akaun lesen, nama syarikat, alamat premis, aktiviti lesen dan tempoh lesen. Manakala QR Code bagi pelekat penjaja mengandungi maklumat pemegang lesen, nombor akaun, jenis jualan, nama pekerja, jenis jualan, lokasi dan tempoh sah lesen. Maklumat di pelekat QR Code ini juga boleh diakses melalui telefon yang mempunyai kemudahan internet. Inisiatif ini memperlihatkan kesungguhan Majlis bagi memberikan perkhidmatan yang lebih telus dan berintergriti.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

7. HASIL

7.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambah	
			RM	%
Hasil Cukai	196,000,000	204,000,000	8,000,000	4.08
Hasil Bukan Cukai	90,547,190	92,476,100	1,928,910	2.13
Terimaan Bukan Hasil	7,398,000	8,502,180	1,104,180	14.93
Jumlah	293,945,190	304,978,280	11,033,090	3.75

7.2 Hasil Cukai

7.2.1 Majlis menganggarkan kutipan Hasil Cukai Taksiran akan meningkat sebanyak RM8 juta pada tahun 2014 berdasarkan kepada pertambahan bilangan pegangan harta baru di kawasan Petaling Jaya dengan kadar cukai taksiran sekarang dikekalkan. **Ini bermakna Majlis tidak akan menaikkan kadar cukai taksiran di Petaling Jaya pada tahun 2014.**

- 7.2.2 Walaubagaimanapun bagi meningkatkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan, pada tahun 2014 Majlis akan meneruskan usaha memburu penunggak-penunggak cukai tegar di kawasan Petaling Jaya dengan meneruskan program kempen bayaran online, membuka kaunter bergerak serta meningkatkan tindakan penguatkuasan melalui tindakan undang-undang.
- 7.2.3 Kadar-kadar cukai taksiran pada tahun 2014 adalah seperti di Lampiran A.

7.3 Hasil Bukan Cukai

- 7.3.1 Hasil Bukan Cukai yang akan dikutip pada tahun 2014 dijangka sebanyak RM92,476,100 meningkat sebanyak RM1,928,910 atau 2.13% berbanding anggaran tahun 2013 sebanyak RM90,547,190.
- 7.3.2 Butir-butir hasil yang dimasukkan di dalam kepala Hasil Bukan Cukai adalah seperti berikut:-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambah/	
			RM	%
Lesen & Permit	21,036,720	21,696,310	659,590	3.14
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	26,579,080	26,863,080	284,000	1.07
Jualan Barang-Barang	1,069,010	1,084,110	15,100	1.41
Sewaan	17,789,960	16,278,480	(1,511,480)	(8.50)
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	10,994,420	12,785,120	1,790,700	16.29
Denda & Kompaun	13,028,000	13,469,000	441,000	3.39
Sumbangan Negeri & Tempatan	50,000	300,000	250,000	500.00
Jumlah	90,547,190	92,476,100	1,928,910	2.13

7.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Di dalam punca hasil bukan cukai, punca hasil daripada perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan menyumbang hasil paling banyak iaitu sebanyak RM26,863,080 pada tahun 2014 berbanding RM26,579,080 pada tahun 2013.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2013	2014	Tambahan	
	RM	RM	RM	%
Bayaran Proses Pelan	4,217,000	4,117,000	(100,000)	(2.37)
Bayaran Perkhidmatan	25,000	25,000	-	-
Perkhidmatan Kubur	200,000	200,000	-	-
Kolam Renang	430,000	430,000	-	-
Perkhidmatan Letak Kereta	14,847,400	15,202,900	355,500	2.39
Yuran	1,934,700	1,959,200	24,500	1.27
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen / Permit	26,000	26,000	-	-
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	4,898,980	4,902,980	4,000	0.08
Jumlah	26,579,080	26,863,080	284,000	1.07

iii. Peningkatan paling besar di dalam punca hasil perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan adalah daripada perkhidmatan letak kereta yang dijangka akan memperolehi hasil baru sebanyak RM355,500.

7.3.4 Lesen dan Permit

i. Lesen dan permit adalah penyumbang kedua terbanyak di dalam punca hasil bukan cukai. Pada tahun 2014,

Majlis menjangka akan mengutip sebanyak RM21,696,310 hasil lesen dengan kenaikan sebanyak RM659,590 berbanding tahun 2013.

- ii. Di antara jenis-jenis lesen yang menjadi punca kepada peningkatan hasil lesen pada tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Butiran	2013	2014	Tambahan	
	RM	RM	RM	%
Lesen Iklan (Tetap)	8,161,300	8,195,120	33,820	0.41
Lesen Iklan (Sementara)	546,800	746,800	200,000	36.58
Lesen Perubahan Status Bangunan	750,000	240,000	(510,000)	(68.00)
Lesen Perniagaan Perusahaan	5,757,070	5,541,070	(216,000)	(3.75)
Lesen-Lesen Perniagaan Industri	200,370	200,370	-	-
Lesen Penjaja, Gerai & Pasar	2,587,060	2,565,480	(21,580)	(0.83)
Lesen Hiburan	1,946,460	1,663,610	(282,850)	(14.53)
Lesen Pusat Perkhidmatan	263,720	391,720	128,000	48.54
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	823,940	2,152,140	1,328,200	161.20
Jumlah	21,036,720	21,696,310	659,590	3.14

7.3.5 Sewaan

Pada tahun 2014 sebanyak RM16,278,480 dijangka akan dikutip melalui punca hasil sewaan. Penurunan adalah sebanyak RM1,511,480 berbanding angka tahun 2013. Ini kerana Majlis tidak lagi menerima sewaan daripada rumah PPR dan Menara MBPJ.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Majlis masih mengekalkan kadar sewaan seperti tahun 2013. Walaubagaimanapun amalan pemberian diskau atau subsidi akan dikurangkan pada tahun 2014.

Berikut adalah punca-punca hasil daripada sewaan :-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambah	
			RM	%
Sewa Pasar	2,593,380	2,464,680	(128,700)	(4.96)
Sewa Pejabat dan Kilang	2,976,080	1,320,180	(1,655,900)	(55.64)
Sewa Kompleks Penjaja/Gerai	1,456,400	1,394,300	(62,100)	(4.26)
Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti	1,667,480	1,677,200	9,720	0.58
Sewa Kompleks Sukan	510,500	610,500	100,000	19.59

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambahan	
			RM	%
Lain-Lain Sewaan (termasuk sewaan tapak iklan billboard RM6 juta)	8,586,120	8,811,620	225,500	2.63
Jumlah	17,789,960	16,278,480	(1,511,480)	(8.50)

7.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Hasil sebanyak RM12,785,120 di jangka dapat dikutip pada tahun 2014 daripada punca hasil pelaburan lebihan tunai pada setiap bulan. Majlis sentiasa meningkatkan pengurusan keperluan tunai dengan lebih cekap di mana lebihan tunai di dalam akaun semasa yang tidak digunakan juga akan dilaburkan untuk tempoh jangka pendek.

7.4 Terimaan Bukan Hasil

7.4.1 Terimaan Bukan Hasil berjumlah sebanyak RM8,502,180 telah disasarkan dapat dikutip pada tahun 2014 seperti berikut:-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambahan	
			RM	%
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	-	-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambahan	
			RM	RM
Sumbangan Bantu Kadar	709,000	1,750,180	1,041,180	146.85
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,689,000	1,752,000	63,000	3.73
Jumlah	7,398,000	8,502,180	1,104,180	14.93

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

8. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis dipecahkan kepada 2 kategori utama seperti berikut:-

Butiran	2013 RM	2014 RM	% Agihan	Tambahan/ (kurangan)	
				RM	%
Mengurus	260,716,960	277,769,830	85.65	17,052,870	6.54
Pembangunan	47,807,130	46,550,060	14.35	(1,257,070)	(2.63)
Jumlah	308,524,090	324,319,890	100.00	15,795,800	5.12

8.1 Perbelanjaan Mengurus

8.1.1 Di dalam penyediaan bajet mengikut kaedah MBS (*Modified Budgeting System*), Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada tiga elemen utama seperti berikut:-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Dasar	229,474,930	250,646,280	21,171,350	9.23
Sediada				
Dasar Baru	24,476,080	19,056,350	(5,419,730)	(22.14)
'One Off'	6,765,950	8,067,200	1,301,250	19.23
Jumlah	260,716,960	277,769,830	17,052,870	6.54

8.1.2 Berdasarkan kepada peruntukan bajet perbelanjaan mengurus yang dicadangkan, terdapat 5 Objek Sebagai utama di dalam perbelanjaan mengurus seperti berikut:-

Objek Sebagai (DSA, DB & ONEOFF)	2013 RM	2014 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	75,064,520	82,804,040	7,739,520	10.31

Objek Sebagai (DSA, DB & ONEOFF)	2013 RM	2014 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan & Bekalan	175,119,060	179,758,110	4,639,050	2.65
Aset	5,361,860	7,747,900	2,386,040	44.50
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,814,920	2,394,340	579,420	31.93
Perbelanjaan Lain	3,356,600	5,065,440	1,708,840	50.91
Jumlah	260,716,960	277,769,830	17,052,870	6.54

8.1.3 Manakala peratus perbelanjaan mengurus mengikut kategori perbelanjaan Objek Sebagai adalah seperti berikut:-

Perbelanjaan Mengurus	2014 (RM)	Peratus (%)
Emolumen	82,804,040	29.81
Perkhidmatan & Bekalan	179,758,110	64.72
Aset	7,747,900	2.79
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2,394,340	0.86
Perbelanjaan Lain	5,065,440	1.82
Jumlah	277,769,830	100.00

8.1.4 'One Off' merupakan pembelian atau perbelanjaan yang tidak berulang. Pada tahun 2014 pembelian 'one off' adalah meliputi perbelanjaan seperti berikut:-

Butiran	2013 RM	2014 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan dan Bekalan	1,404,090	319,300	(1,084,790)	(77.26)
Pembelian aset	5,361,860	7,747,900	2,386,040	44.50
Jumlah	6,765,950	8,067,200	1,301,250	19.23

Perbelanjaan ke atas Aset adalah untuk membeli alat-alat bagi meningkatkan perkhidmatan Majlis kepada masyarakat Petaling Jaya. Perincian pembelian aset seperti di Lampiran B.

8.1.5 Perincian perbelanjaan mengurus yang diagihkan mengikut zon Ahli-ahli Majlis adalah seperti di Lampiran C. Manakala perincian perbelanjaan mengurus yang tidak diagihkan seperti di Lampiran D.

8.2 Perbelanjaan Pembangunan

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Program	2013 RM	2014 RM
Tempat Kemudahan Awam/ Perniagaan	21,281,570	16,530,030
Jalan, Perparitan & Jambatan	19,798,000	21,900,020
Pejabat Dan Bangunan	5,467,560	6,570,010
Projek Pengkomputeran	1,260,000	1,550,000
Jumlah	47,807,130	46,550,060

